

Kunci air utama di Bagan Nakhoda Omar perlu ditukar elak banjir – Noh

SABAK BERNAM 1 Feb. - Kerajaan Pusat diharap dapat meluluskan permohonan peruntukan kerja membaik pulih atau penggantian kunci air utama, Bagan Beting Kepah di Bagan Nakhoda Omar di sini bagi mengelakkan kejadian banjir berulang.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Tan Sri Noh Omar berkata, sudah tiba masanya kunci air utama yang terletak di antara Bagan Nakhoda Omar dan Parit Baru yang dibina sejak zaman dahulu lagi dibaiki atau dibuat baharu.

Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan, buat masa ini pihaknya telah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran membuat surat permohonan serta kos bagi penggantian kunci air utama.

"Di daerah ini sahaja terdapat 46 kunci air, contohnya di kawasan Sungai Air Tawar ada 14 kunci air seperti di Bagan Beting Kepah, Parit Baru dan Sungai Lang. Oleh itu, proses membaik pulih akan dilakukan secara berperingkat tetapi keutamaan diberikan kepada kunci air utama.

"Kita akan mengemukakan surat tersebut kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar untuk memohon kunci air baharu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke pusat pemindahan mangsa banjir di Dewan Bagan Nakhoda Omar di sini.



NOH OMAR (tengah) bersama penduduk meredah banjir ketika mengadakan lawatan ke pusat penempatan mangsa banjir di Pekan Parit Baru Sabak Bernam, Selangor, baru-baru ini.

Terdahulu, Noh turut menyerahkan bantuan wang tunai, makanan dan kit keperluan harian kepada mangsa banjir di tiga pusat pemindahan termasuk Dewan Sri Bernam dan Parit Baru.

Dalam pada itu, Noh menjelaskan, jumlah mangsa banjir di daerah ini semakin berkurangan sehingga pagi ini apabila hanya 29 keluarga masih ditempatkan

di tiga pusat pemindahan.

"Sebelum ini, kira-kira lebih 300 mangsa daripada 105 keluarga ditempatkan di tiga pusat pemindahan yang dibuka sejak Sabtu lalu.

"Alhamdulillah, sebahagian daripada mereka telah pulang ke rumah masing-masing dan hanya beberapa keluarga sahaja yang tinggal di pusat pemindahan," katanya.